

AGENDA 5

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2025**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

LATAR BELAKANG

2. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, KPF merekodkan keuntungan sebelum pembahagian berkanun, cukai dan zakat berjumlah RM148.09 juta berbanding RM157.14 juta bagi tempoh yang sama tahun 2024. Maklumat adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000
Keuntungan Sebelum Pembahagian Berkanun	148,090	157,138
Tolak: Pembahagian Berkanun		
(a) Kumpulan Wang Rizab (2025: 12.0%; 2024: 10.0%)	(17,771)	(15,713)
(b) Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi (2.0%)	(2,962)	(3,143)
(c) Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi (1.0%)	(1,481)	(1,571)
Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun	125,876	136,711
Tolak:		
Peruntukan Cukai	-	-
Peruntukan Zakat	(1,000)	(200)
Tolak: Pembahagian Lain		
(a) Peruntukan Honorarium Lembaga		
(i). Tahun Semasa	(150)	(150)
(ii). Lebihan Peruntukan Tahun Terdahulu	-	150
(b) Kumpulan Wang Penebusan Syer (5.0%)	(6,294)	(6,836)
Keuntungan Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432	129,675
Baki Minimum Modal Syer Anggota	2,042,000	2,150,000
Jumlah Dividen Boleh Agih	102,389	129,675
Kemampuan Kadar Dividen	5.01%	6.03%
Kadar Dividen Diperuntukkan/Dibayar	5.00%	6.00%
Jumlah Dividen	102,100	129,000

3. Bayaran dividen dikira berdasarkan keuntungan bersih tahun semasa tolak kerugian terkumpul. KPF mempunyai kerugian terkumpul selepas mengambil kira pelarasan bukan operasi seperti berikut:

Perkara	RM'000
Keuntungan terkumpul awal tahun	172,383
Pelarasan bukan operasi	(188,426)
Kerugian terkumpul	(16,043)
Tambah:	
Keuntungan Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432
Keuntungan boleh agih	102,389

4. Oleh itu, keuntungan boleh agih atau jumlah dividen boleh agih adalah RM102.39 juta

ULASAN LEMBAGA

5. Sehingga 31 Disember 2025, purata baki modal syer minimum anggota adalah RM2,042 juta. Kadar 1.0% dividen melibatkan jumlah agihan sebanyak RM20.42 juta. Berdasarkan kepada keuntungan bersih tahun semasa dan tanpa mengambil kira pelarasan bukan operasi, dividen boleh agih adalah pada kadar 5.01%.

SYOR

6. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- (a) agihan dividen bagi tahun kewangan 2025 pada kadar 5.0% berjumlah RM102.10 juta;
- (b) dividen dibayar berdasarkan baki minimum bulanan (pro rata) mengikut tempoh pegangan syer dalam tahun 2025;
- (c) secara tunai ke akaun modal syer anggota; dan
- (d) permohonan pengeluaran dividen dibuat secara atas talian (e-Dividen).

7. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.